

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENGAJIAN MELAYU
BEIJING 2009**

*Sempena Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Diplomatik
Malaysia - Republik Rakyat China*

***Tatacara
Jadual
Abstrak***

31 Mei - 3 Jun 2009 di Beijing Foreign Studies University

Penganjur



Lembaga Persahabatan China Dengan
Luar Negara



Beijing Foreign Studies
University

Denagn kerjasama Universiti Malaya

**HUBUNGAN UFTI TAN-TAN DAN P'AN-P'AN
DENGAN CHINA PADA ZAMAN DINASTI SUI DAN T'ANG:
SATU ANALISIS SOSIOEKONOMI***

Oleh:

**Nazarudin Zainun
Nasha Rodziadi Khaw
Tarmiji Masron
Zulkifli Jaafar**

Pendahuluan

Sejak kurun ke-2 Masihi [M], telah mula wujud negara-negara kota yang terletak di pesisir laluan perdagangan di Teluk Bengal, Selat Melaka dan Laut China Selatan. Pembentukan entiti-entiti pelabuhan di tempat-tempat tersebut merupakan hasil interaksi perdagangan antara petempatan pesisir pantai dan pedalaman dengan pedagang luar. Dalam interaksi ini, masyarakat dari pedalaman akan menukar hasil-hasil hutan dengan hasil-hasil pertanian dan selepas itu dikembangkan dengan barangan dagangan lain yang dimiliki oleh masyarakat pesisir. Kegiatan perdagangan sebegini menjadi asas kepada pembentukan substruktur ekonomi sesuatu masyarakat pada ketika itu, yang seterusnya menjadi pencetus awal kepada kewujudan negara-negara kota tersebut.

* Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil kajian melalui Geran Universiti Penyelidikan [RU] Universiti Sains Malaysia – 1001/PHUMANITI/816074, bertajuk "Kerajaan-Kerajaan Melayu Yang Hilang [Kurun Ke-3 Hingga Ke-13 Masihi]: Dari Segenting Kra Ke Tanjung Piai – Satu Kajian Sosioekonomi dan Lokasi".

Negara-negara kota tersebut merupakan kota-kota pelabuhan yang berfungsi sebagai pusat *entrepot* atau *feederport*, yaitu pusat pengumpulan dan pengedaran barangan dagangan. *Feederport* berfungsi mengumpul hasil keluaran tempatan termasuklah hasil hutan yang dibawa dari kawasan pedalaman untuk dihantar ke *entrepot* tempat kegiatan perdagangan antarabangsa dijalankan.¹ Kebanyakan negara kota tersebut terletak di muara-muara sungai. Keadaan ini tentunya membolehkan kota pelabuhan dihubungkan secara langsung dengan kawasan pedalaman yang kaya dengan sumber hutan yang merupakan komoditi perdagangan pada ketika itu. Walau bagaimanapun, dari segi penguasaan didapati, negara-negara kota tersebut dibayangi secara langsung oleh kuasa-kuasa besar yang secara berterusan menguasai mereka dari segi ekonomi dan politik.

Pada penghujung kurun ke-6 M memperlihatkan berlakunya perubahan-perubahan ketara dalam politik dan sosioekonomi Asia Tenggara dan Asia Timur. Dari kurun ke-2 hingga ke-5 M, kuasa talasokrasi Funan telah menguasai dan memonopoli perdagangan maritim dengan pelabuhan Oc-Eo sebagai pusat pelabuhannya yang

¹ Leong Sau Heng, "Collecting centres, Feeder points and Entrepots in the Malay Peninsula" dalam J. Kathirithamby-Wells dan John Villiers (eds.), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: University of Singapore Press, 1990, hlm. 23-9.

menjadi tumpuan pedagang dari China dan India.² Sebagai sebuah empayar maritim, Kerajaan Funan telah menakluk kota-kota pelabuhan di pesisir Semenanjung Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada proses pasifikasinya.³ Walau bagaimanapun, pada kurun ke-6 M iaitu ketika bermulanya zaman Dinasti Chen (557-589 M)⁴, kerajaan Funan mula mengalami kemerosotan.⁵

Dengan kemerosotan kerajaan Funan, Negara-negara kota yang pernah ditakluk oleh empayar tersebut telah mula menghantar ufti-ufti secara berasingan kepada dinasti-dinasti di China, terutamanya dari tahun 424 M hingga 669 M.⁶ Negara-negara kota yang menghantar ufti-ufti tersebut termasuklah kerajaan P'an-P'an, Langkasuka, Tan-Tan, Ch'ih-Tu, Kedah Tua, dan Kalasapura.⁷ Dinasti-dinasti di China yang menerima ufti-ufti tersebut pula termasuklah Dinasti Liu Song (420-479 M), Liang (502-556 M), Chen (557-559 M), Sui (581-618 M) dan T'ang (581-907 M).⁸ Berdasarkan catatan didapati ufti yang terakhir dihantar oleh kerajaan Tan-Tan pada 668-669 M sebelum kebangkitan empayar Srivijaya pada 670 M.

² George Coedes, *The Indianized States of Souteast Asia*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, hlm. 40-1 dan 46-7 dan Michael Vickery, *Society, Economic and Politic of Pre Angkor Cambodia*, Tokyo: The centre fo East Asian Cultural Studies for UNESCO, 1998, hlm. 19.

³ George Coedes, *The Indianized States of Souteast Asia*, hlm. 38.

⁴ Ann Paludan, *Chronicle of Chinese Emperors*, London: Thames and Hudson Ltd, 1998, hlm. 67.

⁵ George Coedes, *The Indianized States of Souteast Asia*, hlm. 65.

⁶ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1961, hlm. 118-9.

⁷ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*.

⁸ Ann Paludan, *Chronicle of Chinese Emperors*, hlm. 66-7, 82, dan 88.

Pada awal zaman kemerosotan kerajaan Funan, iaitu dari penghujung kurun ke-5 M hingga ke pertengahan kurun ke-6 M, diperhatikan cuma terdapat tiga buah negara kota dari pesisir Semenanjung Tanah Melayu yang menghantar ufti ke China, iaitu kerajaan P'an-P'an, Tan-Tan dan Langkasuka.⁹ Walau bagaimanapun, selepas pertengahan kurun ke-6 M hingga ke pertengahan kurun ke-7 M, jumlah ini telah meningkat apabila terdapat enam buah negara kota dari Semenanjung Tanah Melayu yang menghantar ufti ke China. Negara-negara kota tersebut adalah P'an-P'an, Tan-Tan, Ch'ih-Tu, Chieh-Cha, Langkasuka dan Kalasapura.¹⁰ Dinasti-dinasti China yang menerima ufti mereka adalah Dinasti Sui dan T'ang. Berdasarkan catatan China menunjukkan terdapat dua negara kota yang paling kerap menghantar ufti. Negara-negara kota tersebut ialah Tan-Tan dan P'an-P'an.

Jumlah negara-negara kota yang menghantar ufti kepada kedua-dua dinasti tersebut sebenarnya mencerminkan satu bentuk hubungan khusus yang wujud ketika itu. Hal ini tentunya untuk kepentingan bersama antara Tan-Tan dan P'an-P'an dengan Dinasti Sui dan T'ang dalam jangkamasa tersebut (568-669 M). Makalah ini

⁹ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 118-9.

¹⁰ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*.

cuba untuk membuat analisis dari aspek sosioekonomi dalam kaitannya dengan hubungan uffi yang wujud itu.

Hubungan Uffi China-Nusantara: Konsep dan Pengertian

Hubungan uffi telah mula wujud antara China dan Semenanjung Tanah Melayu sejak zaman Dinasti Han [206SM-220M]. Berdasarkan sumber penulisan China, kerajaan di nusantara pertama menghantar uffi ke China adalah kerajaan-kerajaan yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini dibuktikan melalui catatan China *Ch'ien Han Shu*¹¹ yang menyatakan bahawa kerajaan *Fu-Kan-Tu-Lu* dan *Shen-Li*¹² telah mula menghantar uffi ke China sejak zaman pemerintahan Maharaja Wu lagi [141SM-87SM].

Perhubungan uffi tersebut melibatkan penghantaran utusan-utusan dari negara-negara kota yang kecil ke China dengan membawa barangan yang dianggap sebagai persembahan dan 'tanda kesetiaan mereka kepada Maharaja China'. Setidak-tidaknya itulah tafsiran yang sering dibuat oleh kebanyakan pengkaji apabila menulis mengenai uffi ini. Barangan yang dipersembahkan kepada Maharaja China kebanyakannya merupakan sumber komoditi tempatan yang terdiri daripada barangan berharga.¹³ Antara sumber

¹¹ *Ch'ien Han Shu*, Chap 28, pt. 2, f. 32 recto et verso. Dikutip dari Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 8-9.

¹² Lihat ilustrasi dalam Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 9.

¹³ Lihat catatan *Chiu T'ang Shu* Chap. 197, f. 2 recto., *Wen Hsien T'ung Kao*, Chap. 331., dan *Hsin T'ang Shu* Chap. 222C, f. 5 verso. Dikutip dari Paul Wheatley,

keluaran tempatan yang dijadikan barangan hantaran mungkin terdiri daripada gading gajah, sumbu badak, kayu gaharu dan kapur barus.¹⁴

Para penulis cenderung untuk menyatakan bahawa hubungan uffi antara China dan negara-negara kota di Asia Tenggara umumnya dan di Semenanjung Tanah Melayu khususnya melibatkan pengakuan negara-negara kota tersebut terhadap konsep 'ketuanan' atau 'supremacy' maharaja-maharaja China. Namun demikian hubungan tersebut sebenarnya saling menguntungkan kedua-dua belah pihak, sama ada dari segi pengaruh politik ataupun ekonomi. Jika diteliti mengenai uffi ini sebenarnya masih terbuka kepada pelbagai bentuk tafsiran terutamanya jika dikaitkan dengan keadaan sosio budaya tempatan di Semenanjung Tanah Melayu itu sendiri.

Melalui penghantaran uffi ini kerajaan China sebenarnya menerima pelbagai bentuk kelebihan baik dari segi pengaruh politik mahupun sumber ekonomi. Dari sudut pandang China, melalui aspek politik, uffi-uffi yang dihantar oleh negara-negara yang datang dari jauh dapat meningkatkan 'te', atau kuasa moral para maharaja

The Golden Khersonese, hlm. 48-9 dan 52. Di dalam catatan-catatan tersebut, dinyatakan bahawa kerajaan-kerajaan Tan-Tan dan Pan-Pan mempersembahkan sumber keluaran tempatan sebagai uffi mereka kepada Maharaja China.

¹⁴ Leong Sau Heng, "Collecting Centres, Feeder Points, and Entrepôts", hlm. 19.

China.¹⁵ Hal ini sekurang-kurangnya dapat mengukuhkan lagi kedudukan mereka memandangkan kedatangan utusan-utusan yang membawa ufti melambangkan martabat maharaja China. Hal ini akan meningkatkan pengaruh maharaja terhadap rakyatnya.

Berdasarkan kepada lokasi kota-kota pelabuhan yang dapat dihubungi ke kawasan pedalaman yang kaya dengan sumber hutan, kota-kota pelabuhan tersebut berkepentingan sebagai pusat-pusat pengumpulan pelbagai komoditi seperti bahan wangian, rempah ratus, gading gajah, sumbu badak, emas, pinang, madu lebah, damar dan rotan.¹⁶ Oleh yang demikian, hubungan ufti dengan negara-negara kota tersebut akan membawa kepada monopoli perdagangan yang amat menguntungkan. Di samping itu, hubungan politik dengan negara-negara kota tersebut membolehkan kerajaan China memastikan keselamatan para pedagang mereka dijamin oleh pemerintah-pemerintah tempatan di mana mereka berdagang.¹⁷

Para pengkaji menyatakan antara tujuan utama negara-negara kota di Asia Tenggara menjalin hubungan ufti dengan China adalah untuk mengekalkan kedaulatan dan mengukuhkan kuasa politik mereka. Diketahui bahawa negara-negara kota yang wujud

¹⁵ O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya dalam Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 26.

¹⁶ Michel Jacq Hergoualc'h, *The Malay Peninsula: Crossroads of The Maritime Silk Road [100BC-1300AD]*, Leiden: Koninklijke Brill N. V., 2002, hlm. 65.

¹⁷ O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya*. hlm. 29.

terpisah secara geografi dan wujud sebagai entiti-entiti politik yang berasingan dan tidak berpusat. Hal ini ditambah lagi dengan hakikat bahawa populasi penduduk di negara-negara kota di Semenanjung Tanah Melayu adalah amat kecil.¹⁸ Keadaan ini tentunya menyebabkan kebanyakan entiti politik pesisir pantai di Semenanjung Tanah Melayu wujud sebagai negara-negara kota yang kecil dan lemah. Dengan jumlah penduduk yang kecil, manipulasi mereka terhadap persekitaran akan turut menjadi terhad, dan ini telah membantutkan perkembangan masyarakat mereka.

Kemakmuran kota-kota pelabuhan tersebut pula sangat bergantung kepada faktor persekitaran ekonomi serantau yang melibatkan perubahan dasar perdagangan, laluan perdagangan yang digunakan, serta pasang surut permintaan terhadap sesuatu komoditi.¹⁹ Oleh itu, para penyelidikan menyatakan satu bentuk 'perlindungan' dari sebuah kuasa besar seperti China pada masa itu adalah amat perlu untuk mengekalkan kedaulatan dan kestabilan politik mereka. China yang pada masa itu merupakan sebuah kuasa yang besar di Asia diyakini mampu menjadi penaung utama kepada kerajaan-kerajaan kecil di Asia Tenggara.

¹⁸ Ikuta Shigeru, "Emergence of cities in Maritime Southeast Asia from the Second Century B.C. to the Seventeenth Century" dalam *East Asian Cultural Studies*, Vol. XXVIII, March 1988, hlm. 5.

¹⁹ J. Kathirithamby-Wells, "Introduction: An Overview" dalam J. Kathirithamby-Wells dan John Villiers (eds.), *Southeast Asian Port and Polity*, hlm. 9.

Perlu ditekankan di sini bahawa pada masa itu di Asia Tenggara sebenarnya hanya entiti-entiti politik yang merdeka, dan tidak didominasi secara politik oleh sesebuah kuasa asing sahaja yang dapat menghantar uffi ke China.²⁰ Hal ini dibuktikan dengan melihat kepada pola penghantaran uffi kerajaan-kerajaan di Asia Tenggara dari kurun ke-3 hingga kurun ke-8 M. Misalnya antara kurun ke-2 hingga kurun ke-5 M, hanya kerajaan Funan dan Lin-Yi [Campa] sahaja yang menghantar uffi ke China, iaitu yang pertama pada 243 M oleh Raja Fan Chan.²¹

Kemudian, uffi-uffi dihantar masing-masing pada 268M, 285M, 286M, 287M, 357M, 434M, 435, dan 438 M.²² Berdasarkan catatan China dalam jangkamasa tersebut [243M-438M], masih belum ditemui rekod penghantaran uffi dari negara-negara kota lain dari Asia Tenggara. Hal ini dipercayai mungkin disebabkan negara-negara kota tersebut ditakluk oleh Funan dan tidak lagi berhak untuk menjalinkan hubungan secara langsung China. Pasifikasi Funan terhadap negara-negara kota di Semenanjung Tanah Melayu ada digambarkan di dalam catatan Sejarah Dinasti Ch'i Selatan. Dalam catatan tersebut dikatakan bahawa Raja Fan Shih Man telah

²⁰ Nasha bin Rodziadi Khaw dan Nazarudin Zainun, "Hubungan Uffi Srivijaya-Suvarnabhumi dan Mataram dengan China: Satu Cerminan Sosioekonomi dan Politik Nusantara (670M-1097M)" dalam *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, Jilid 14, 2007, hlm. 9.

²¹ George Coedes, *The Indianized States of Souteast Asia*, hlm. 41.

²² R. C. Majumdar, *Kambuja-Desa or An Ancient Hindu Colony in Cambodia*. Madras: University of Madras. 1944, hlm. 30-1.

menyerang lebih dari 10 buah kerajaan dan meluaskan taklukannya sehingga 6000 *Li* [3456km].²³ Kemungkinan sebahagian daripada jajahan takluk yang dilakukan oleh Raja Fan Shih Man meliputi kawasan di Semenanjung Tanah Melayu.

Bermula dari 455 M hingga 669 M, ufti mula dihantar dari negara-negara kota tersebut kepada Dinasti yang memerintah China dalam jumlah yang banyak²⁴ Dalam tempoh tersebut, kerajaan Funan yang pernah menguasai negara-negara kota itu telah mula mengalami kemerosotan dan terus jatuh pada kurun ke-7 M.²⁵ Akibat kemerosotan tersebut, Funan tidak lagi dapat membendung pembebasan negara-negara kota yang pernah dikuasainya sebelum ini. Keadaan ini tentunya memberikan peluang kepada negara-negara kota untuk berdiri sendiri. Dengan demikian tidak hairanlah jika negara-negara kota tersebut kini berupaya menjalin hubungan secara langsung dengan China.

Walau bagaimanapun, bermula dari penghujung kurun ke-7 M, didapati tiada lagi ufti dihantar dari negara-negara kota tersebut ke China. Hal ini dipercayai adalah selari dengan kebangkitan kuasa Srivijaya pada masa itu yang mengamalkan dasar talasokrasi. Sebagai

²³ Satu *Li* bersamaan dengan 576 meter. George Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, hlm. 276.

²⁴ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 118-9.

²⁵ R. C. Majumdar, *Kambuja-Desa*, hlm. 35 dan George Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, hlm. 59-62.

sebuah empayar perdagangan, Srivijaya telah memulakan proses menguasai kota-kota pelabuhan di pesisir laluan perdagangan di sekitarnya untuk memonopoli perdagangan antarabangsa di Selat Melaka. Sama seperti Empayar Funan yang pernah mendominasi negara-negara kota tersebut, maka dasar sama yang diamalkan oleh Srivijaya telah menundukkan negara-negara kota tersebut dan sekaligus menghalang mereka daripada menjalinkan hubungan dengan China.

Oleh yang demikian, adalah jelas di sini bahawa hubungan uffi antara entiti-entiti politik tertentu dengan China menunjukkan bahawa entiti tersebut bebas daripada dominasi oleh kuasa lain. Hal ini diperkuatkan lagi dengan hujah bahawa penghantaran uffi itu bertujuan untuk memperkukuh asas kerajaan tersebut sebagai kerajaan merdeka melalui pengiktirafan dan 'naungan' dari China. Hubungan uffi yang dijalinkan juga boleh ditafsirkan sebagai salah satu bentuk 'pengumuman' yang dilakukan oleh sesebuah kerajaan untuk mengesahkan kedaulatannya.

Tan-Tan dan P'an-P'an semasa Dinasti Sui dan T'ang

Berdasarkan catatan jelas pada zaman Sui dan T'ang, uffi-uffi diterima oleh Maharaja kedua-dua dinasti tersebut daripada sekurang-kurangnya enam buah kerajaan / kota pelabuhan yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu. Negara-negara kota tersebut

ialah Tan-Tan, P'an-P'an, Ch'ih-Tu, Kedah (Chieh-Cha), Kalasapura (Ko-Lo) dan Langkasuka (Lang-Ya-Hsiu). Dari tahun 568 M hingga 669 M [dalam 101 tahun] sebanyak 17 buah utusan uffi telah dihantar. Sebanyak 12 buah utusan ufi telah dihantar kepada kerajaan Sui manakala lima lagi dihantar kepada kerajaan T'ang. Jumlah uffi yang dihantar oleh negara-negara kota tersebut adalah berbeza.²⁶ Terdapat 10 buah utusan uffi yang dihantar oleh Kerajaan Tan-Tan manakala terdapat empat buah utusan uffi dihantar oleh P'an-P'an.

Kerajaan Tan-Tan berkemungkinan besar dipercayai terletak di kawasan sekitar Sungai Besut, Terengganu. Kerajaan ini diketahui telah menghantar sebanyak lima buah utusan uffi, iaitu tiga kepada Dinasti Sui dan dua pada Dinasti T'ang. Nama kerajaan Tan-Tan merupakan nama di dalam sebutan bahasa China. Walau bagaimanapun, nama sebenar kerajaan tersebut tidak diketahui. Jika dianalisis berdasarkan urusan uffi tersebut maka, kerajaan tersebut dipercayai besar kemungkinan wujud sebagai entiti politik yang bebas selama kurang seratus tahun berdasarkan kepada jangkamasa uffi yang dihantar.

Dalam penulisan *China Tung-Tien*,²⁷ dikatakan bahawa Tan-Tan mulai diketahui sejak zaman Dinasti Sui lagi (sekitar 589 M). Ada kemungkinan sebenarnya kerajaan ini telah wujud lebih awal lagi. Hal

²⁶ Lihat Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 118-9.

²⁷ Lihat T'ung Tien, dikutip dari Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 51-2.

ini kerana perkembangan Oc-Eo di Indochina telah menjadi pemangkin kepada penubuhan negara-negara kota di Semenanjung Tanah Melayu sejak kurun pertama masihi lagi. Para penyelidik percaya bahawa ada kemungkinan kerajaan Tan-Tan merupakan salah satu darinya. Namun demikian apabila Kerajaan Tan-Tan mula diketahui, iaitu sekitar tahun 589 M, pada waktu yang sama adalah masa kejatuhan Funan. Jadi, dapat diperhatikan di sini bahawa selepas Funan merosot, besar kemungkinan Tan-Tan mula menghantar wakil ke China (535M) dan membebaskan diri dan mula dikenali sebagai sebuah negara kota yang bebas di Semenanjung Tanah Melayu.

Kemungkinan besar Tan-Tan cuma berfungsi sebagai pelabuhan persinggahan sahaja. Raja kerajaan Tan-Tan mempunyai gelaran Sha-Li berdasarkan sebutan Cina, dan namanya ialah Sha-Li-Chia (Sri Raja?). Kerajaan Tan-Tan dibahagikan kepada beberapa unit pentadbiran, dan terdapat lapan orang pegawai yang bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal perdagangan. Tan-Tan mempunyai sistem kehakiman yang teratur dan tegas. Buktinya, untuk kesalahan merompak/mencuri, tidak kira sekecil mana pun jenis kesalahannya, maka akan dihukum mati. Di dalam penulisan China, tidak disentuh tentang kepercayaan penduduk tempatan di Tan-Tan, tetapi, kemungkinan besar penduduk Tan-Tan mengamalkan

kepercayaan animisme. Walau bagaimanapun, dikatakan bahawa pentadbiran di Tan-Tan dikuasai oleh golongan Brahman.

Uffi dihantar oleh Tan-Tan ke China adalah sebanyak empat kali iaitu pada 581 M, 616 M, 667 M dan 668 M. Uffi paling banyak dihantar pada zaman dinasti Sui dan didapati cuma ada dua sahaja uffi yang sempat dihantar pada zaman Dinasti T'ang. Bentuk uffi-uffi yang dipersembahkan oleh kerajaan Tan-Tan kepada maharaja termasuklah komoditi-komoditi tempatan.²⁸ Uffi terakhir dihantar pada tahun 668 M.

Kerajaan P'an-P'an terletak di sekitar Teluk Bandon, Selatan Thai. Kerajaan ini menghantar sebanyak enam utusan uffi ke China. Sebanyak lima daripada dihantar kepada Dinasti Sui manakala hanya satu sahaja dihantar kepada Dinasti T'ang. Uffi kepada Dinasti Sui dihantar pada 584 M dan 616 M. Utusan ke Dinasti T'ang pula dihantar pada 635 M.

Kemungkinan Kerajaan P'an-P'an diasaskan disekitar abad pertama masihi, selaras dengan perkembangan pengaruh India di Asia Tenggara dan perkembangan pelabuhan Oc-Eo. Jika diperhatikan lokasi kerajaan P'an-P'an yang terletak di Teluk Bandon yang terlindung, sudah pasti ia berfungsi sebagai sebuah pelabuhan.

²⁸ Lihat Hsin T'ang Shu, dikutip dari Paul wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 52.

Lokasi Teluk Bandon yang berhampiran dengan Oc-Eo memangkin perkembangan kerajaan ini sebagai pelabuhan sokongan kepada Oc-Eo. P'an-P'an mula menghantar wakil ke China pada tahun 424 M, iaitu pada masa kemerosotan Funan. Mungkin pada masa itu P'an-P'an telah bebas. Wakil terakhir yang dihantar ke China ialah pada 617 M. Pada masa ini, kerajaan Chen-La (Pra-Angkor) sedang berkembang dan besar kemungkinan P'an-P'an sudah diserapkan ke dalam kerajaan Chen-La pada ketika itu.

Sumber China²⁹ ada menyebut tentang Kerajaan P'an-P'an dalam penulisan *Liang-Shu*. Disebut bahawa Raja Kaundinya (Jayavarman?), pewaris kepada Chu-Chan-Tan (Chandana), dirajakan di P'an-P'an sebelum menjadi Raja di seluruh Funan. Raja P'an-P'an digelar Yang-Li-Ch'ih. Pembesar di P'an-P'an digelar *Po-Lang-Su-Lan*, *Kun-Lun-ti-Yeh*, *Kun-Lun-po-Ho*, *Kun-Lun-Po-Ti-So-Kan*. Diperhatikan bahawa gelaran *kun-lun* merupakan transkripsi daripada Kurung, yang bermaksud Raja dalam bahasa Khmer. Terdapat juga pegawai-pegawai yang mentadbir Kampung yang digelar *Na-yen*.

Dari segi keadaan sosioekonomi masyarakat P'an-P'an pula, sumber China tidak menggarap secara lengkap gambaran masyarakat P'an-P'an pada ketika itu. Namun demikian diketahui bahawa penduduk P'an-P'an patuh kepada undang-undang

²⁹ Wen Hsien T'ung Kao dalam Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 49.

Buddha. Selain itu, turut diceritakan bahawa rakyat P'an-P'an mengangkat Kaundinya (Jayavarman?) sebagai Raja Funan. Dinyatakan bahawa agama yang dominan di P'an-P'an ialah agama Buddha. Barangan keluaran tempatan termasuklah hasil-hasil hutan dan daging kering.

Di dalam jadial I di bawa dirumuskan pola penghantaran uffi dari kerajaan Tan-Tan dan P'an-P'an kepada Dinasti Sui dan T'ang.

Jadual I
Pola Penghantaran Uffi Kerajaan Tan-Tan dan P'an-P'an
kepada Dinasti Sui dan T'ang

Bil.	tahun	kerajaan	dinasti	maharaja
1	581	Tan-Tan	Dinasti Sui	Wendi
2	584	P'an-P'an		
3	585	Tan-Tan		
4	616	Tan-Tan		Yangdi
5	616	P'an-P'an		
6	635	P'an-P'an	Dinasti T'ang	Taizong
7	667	Tan-Tan		Gaozong
8	669	Tan-Tan		

Sumber-sumber:

Data-data di dalam jadual I di atas diolah berdasarkan sumber-sumber berikut: Ann Paludan, *Chronicle of the Chinese Emperors*, London: Thames and Hudson Ltd, 1998, hlm. passim; Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1961, hlm. passim.

Seperti yang telah dibahas di atas, kerajaan Sui telah menerima upi dari Tan-Tan pada 581 M, 585 M dan 616 M. Walau bagaimanapun, diperhatikan bahawa hubungan upi antara Kerajaan Sui dan Tan-Tan sebenarnya dimulakan oleh Tan-Tan itu sendiri. Setelah tamatnya Dinasti Sui, Tan-Tan telah menghantar pula upi kepada Kerajaan T'ang. Hal yang sama berlaku untuk kerajaan P'an-P'an apabila mereka sendiri menghantar upi kepada dinasti Sui pada 584M dan 616 M, dan seterusnya kepada Dinasti T'ang pada 635 M. Barang-barang yang dipersembahkan termasuklah sumber-sumber tempatan yang menjadi komoditi pada ketika itu.

Hal ini tentunya berkait rapat dengan perubahan keadaan politik dan ekonomi Kerajaan Sui pada masa tersebut. Pengamatan terhadap persekitaran politik dan sosioekonomi kerajaan Sui antara tahun 604 M hingga 609 M menunjukkan wujudnya dasar-dasar baru yang lebih agresif yang diamalkan Maharaja Yang Ti. Baginda cuba untuk mengukuhkan kedudukan empayar yang diwarisinya dengan menambah kekayaan perbendaharaan negara, dan memperluaskan kuasanya.³⁰ Hal ini sudah semestinya memerlukan baginda untuk membentuk hubungan dengan negara-negara yang terletak di

³⁰ Arthur F. Wright, *The Sui Dynasty [581-617]* dalam Denis Twitchett dan John F. Fairbank [Ed], *The Cambridge History of China Vol. 3: Sui and T'ang China, 589-609, Part I*, Cambridge: Cambridge University Press, 1979, hlm. 128.

Lautan Selatan sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Dinasti Wu³¹ pada kurun ke-3 M.

Walau bagaimanapun, keadaan berubah selepas tahun 610 M. Pada tahun 610, Maharaja Yang Ti telah memperkembangkan sistem cukai,³² mempergiatkan lagi pembinaan sistem perhubungan antara Sungai Yang Tze dan Teluk Hang Chou,³³ dan meningkatkan kempen ketenteraan terhadap Koguryo.³⁴ Perubahan-perubahan tersebut kemungkinan telah mengalihkan perhatian Maharaja Sui daripada hal-ehwal luar China kepada hal-ehwal dalaman. Diperhatikan kemungkinan hal inilah yang menyebabkan tiada uffi dihantar pada ketika itu.

Pada masa yang sama, diperhatikan berlakunya perkembangan pelabuhan-pelabuhan di pesisir Selat Melaka³⁵ yang kemungkinan menjadi pesaing hebat kepada perdagangan Ch'ih-Tu yang terletak di luar laluan Selat Melaka. Selepas tahun 610 M, kemungkinan pedagang-pedagang dari Dinasti Sui terus berdagang dengan pelabuhan-pelabuhan di pesisir Selat Melaka dan selepas 610 M juga mulai pula diterima uffi dari negara-negara kota pesisir semenanjung termasuklah Tan-Tan dan P'an-P'an.

³¹ Dinasti Wu telah menghantar K'ang Tai ke Funan untuk menjalinkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan empayar tersebut. Lihat Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 14.

³² Arthur F. Wright, *The Sui Dnasty [581-617]*, hlm. 144.

³³ Arthur F. Wright, *The Sui Dnasty [581-617]*, hlm. 135.

³⁴ Arthur F. Wright, *The Sui Dnasty [581-617]*, hlm. 144.

³⁵ Lihat O.W. Wolters, *Perdagangan Awal Indonesia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989 hlm. 264-98.

Pada tahun 616 M pula, penghantaran uffi oleh Tan-Tan dan Pan-Pan kepada Dinasti Sui mungkin merupakan suatu percubaan kerajaan-kerajaan tersebut untuk mendapatkan semula monopoli perdagangan dengan China. Walau bagaimanapun, cubaan tersebut tidak berhasil apabila Dinasti Sui runtuh pada tahun 618 M. Hubungan uffi dengan kerajaan T'ang pula, iaitu dari 667 M hingga 669 M pula wujud dalam masa yang singkat, kerana selepas itu, kempen talasokrasi Srivijaya telah melenyapkan kedaulatan kerajaan-kerajaan kecil di pesisir Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Kesimpulan

Diperhatikan di sini bahawa hubungan uffi antara Tan-Tan dan P'an-P'an dengan Dinasti-dinasti yang memerintah China adalah berkait rapat dengan perkembangan sosioekonomi ketiga-tiga pihak. Tidak diketahui apakah penghantaran uffi itu sebagai satu tanda hormat, atau mohon perlindungan daripada China. Ini kerana ada pendapat menyatakan konsep uffi antara kedua buah kerajaan ini berbeza. Dari pihak China menganggapnya sebagai pengakuan untuk tunduk kepada kekuasaan China tapi di satu pihak lagi kerajaan-kerajaan kecil ini mungkin hanya menganggap sebagai satu hadiah kepada sebuah kerajaan asing sebagai satu tanda penghormatan sahaja. Walau bagaimanapun melalui hubungan uffi ini didapati kedua-dua belah pihak sama-sama memperolehi keuntungan baik dari segi politik mahupun ekonomi.

Bibliografi

- Coedes, George. *The Indianized States of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. 1968.
- Ikuta, Shigeru. "Emergence of cities in Maritime Southeast Asia from the Second Century B.C. to the Seventeenth Century". dalam *East Asian Cultural Studies*. Vol. XXVIII, March 1988.
- Jacq Hergoualc'h, Michel. *The Malay Peninsula: Crossroads of The Maritime Silk Road [100BC-1300AD]*. Leiden: Koninklijke Brill N. V. 2002.
- Kathirithamby-Wells, J. "Introduction: An Overview". dalam J. Kathirithamby-Wells dan John Villiers (eds.). *Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*. Singapore: University of Singapore Press. 1990.
- Kathirithamby-Wells, J. dan John Villiers (eds.). *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*. Singapore: University of Singapore Press. 1990.
- Leong, Sau Heng. "Collecting centres, Feeder points and Entrepots in the Malay Peninsula". dalam J. Kathirithamby-Wells dan John Villiers (eds.). *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*. Singapore: University of Singapore Press. 1990.
- Majumdar, R.C. *Kambuja-Desa or An Ancient Hindu Colony in Cambodia*. Madras: University of Madras. 1944.
- Nasha bin Rodziadi Khaw dan Nazarudin Zainun. "Hubungan Uffti Srivijaya-Suvarnabhumi dan Mataram dengan China: Satu Cerminan Sosioekonomi dan Politik Nusantara (670M-1097M)". dalam *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*. Jilid 14. 2007.
- Paludan, Ann. *Chronicle of Chinese Emperors*. London: Thames and Hudson Ltd. 1998.
- Vickery, Michael. *Society, Economic and Politic of Pre Angkor Cambodia*. Tokyo: The Centre of East Asian Cultural Studies for UNESCO. 1998.
- Wheatley, Paul. *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. 1961.
- Wolters, O.W. *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1990.
- Wolters, O.W. *Perdagangan Awal Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1989.
- Wright, Arthur F. "The Sui Dynasty [581-617]". dalam Denis Twitchett dan John F. Fairbank [ed.]. *The Cambridge History of China Vol. 3: Sui and T'ang China, 589-609, Part I*. Cambridge: Cambridge University Press. 1979.